

| | | | |
|-------------|--|------------|---------|
| Headline | Kurang keyakinan, tak pandai berkomunikasi | | |
| MediaTitle | Berita Harian | Language | Malay |
| Date | 24 Feb 2017 | Readership | 947,000 |
| Circulation | 125,514 | Page No | 8 |
| Section | Nasional | Journalist | N/A |
| ArticleSize | 154 cm ² | | |
| PR Value | RM 8,387 | | |



Kurang keyakinan, tak pandai berkomunikasi

Kuala Lumpur: Penganjuran Program Temu Duga Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) Peringkat Zon Tengah yang berakhir kelmarin, berjaya menarik lebih 30,000 pengunjung, terutama graduan.

Mereka yang hadir rata-rata mahu merebut peluang mengisi kekosongan lebih 25,000 pekerjaan dan skim latihan yang ditawarkan.

Ketua Sekretariat SL1M, Norashikin Ismail, berkata peluang disediakan kerajaan itu harus direbut kerana tiada negara lain mempunyai program seumpamanya yang memberi bayaran untuk individu menjalani latihan bersama majikan.

"Ramai graduan yang sebelum ini tidak diterima syarikat besar,

mendapat jawatan baik dengan gaji menarik selepas menyertai SL1M. Namun, amat mengecewakan masih ramai graduan belum tahu mengenai program ini walaupun sudah diuarkan.

Anggap program latihan

"Mereka mungkin anggap SL1M sekadar program latihan sedangkan ia sebaliknya. SL1M satu-satunya program membolehkan graduan berjinak-jinak dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta," katanya.

Katanya, ramai graduan dengan keputusan akademik kurang baik dan bukan dari bidang pengajian yang dikehendaki juga mampu bekerja dengan GLC selepas menyertai SL1M.

"Jika masih tertanya-tanya mengenai SL1M, datang ke program kami akan datang. Ubah sikap untuk merebut peluang ini," kata-

Sementara itu, Pengurus Besar Pengambilan Bakat, Divisyen Kumpulan Sumber Manusia Tenaga Nasional Berhad (TNB), Rina Sarif

berkata, antara kelemahan ketara graduan adalah kurang berkeyakinan dan tidak pandai berkomunikasi.

"Sebagai syarikat besar, TNB tidak hanya menerima graduan kejuruteraan tetapi apa sahaja latar belakang pengajian.

"Pada program kali ini, 880 kekosongan disediakan TNB untuk SL1M dan pemohon yang berjaya terus diberi surat tawaran," katanya.